

Publication	Berita Harian	Section/Page No.	Surat & E-mel/Pg.38
Date	Tuesday, 31st August 2010	Lead Article	No
Headline	Karenah Syarikat Insuran Menyusahkan Mangsa Nahas Jalan Raya		

Karenah syarikat insuran menyusahkan mangsa nahas jalan raya

PADA Disember 2009, saya terlibat dalam kemalangan yang agak teruk. Alhamdulillah, saya tidak mengalami sebarang kecederaan. Namun, kereta saya tidak begitu bernasib baik. Memandangkan saya terselamat walaupun keadaan kereta begitu teruk, saya mengingatkan diri supaya tidak merungut kerana terpaksa melalui proses laporan polis, tuntutan insuran serta pembaikan kereta.

Walaupun saya bermula dengan sikap optimis, apa yang dialami dalam proses tuntutan insuran dan pembaikan kereta begitu mencabar tahap kesabaran saya. Pertama, saya diberitahu syarikat insuran bahawa kereta saya hanya boleh diperbaiki oleh bengkel didaftar sebagai

panel syarikat insuran.

Kedua, memandangkan keadaan kereta saya begitu teruk, bengkel yang dipilih telah memberitahu saya bahawa kos pembaikan adalah agak tinggi. Oleh itu, bengkel mencadangkan supaya syarikat insurans mengisytiharkan kereta saya sebagai 'tidak boleh diperbaiki'. Pada masa itu, nilai penjualan semula kereta saya berharga lebih kurang RM84,000 manakala anggaran kos pembaikan oleh bengkel adalah sebanyak RM72,000 (tertakluk kepada penilaian penaksir insurans).

Kesabaran saya terus diuji apabila penaksir dilantik syarikat insuran mengambil masa selama dua bulan untuk memberi penilaiannya. Menurut beliau, syarikat in-

surans berpendapat bahawa kereta saya masih boleh diperbaiki dan kos pembaikan telah dipotong kepada RM54,000 saja, iaitu kurang sebanyak RM18,000 atau 25 peratus daripada sebut harga diberi bengkel.

Lanjutan daripada penetapan harga oleh penaksir insuran, pelbagai lagi masalah timbul yang menyebabkan penangguhan pembaikan kereta saya. Antaranya penangguhan penyediaan dokumen di antara penaksir, syarikat insurans dan bengkel. Ini juga menyebabkan penangguhan dalam pemesanan serta pembekalan alat ganti. Lebih enam bulan berlalu, tetapi kereta saya tetap dalam keadaan yang sama.

Tekanan yang saya alami sepanjang enam bulan me-

maksanya memberi notis tindakan undang-undang terhadap syarikat insuran serta bengkel. Tidak lama kemudian, saya dimaklumkan oleh syarikat insuran bahawa mereka membuat keputusan mengisytiharkan kereta saya sebagai 'tidak boleh diperbaiki' seperti dicadangkan sejak awal lagi oleh bengkel. Sejurus kemudian, akhirnya pada Julai 2010, saya menerima wang pampasan daripada syarikat insurans.

Soalan saya ialah setakat mana pemilik kenderaan mempunyai hak memilih sendiri bengkel kereta untuk kerja pembaikan kerana dalam hal ini, saya tidak diberi peluang membuat pilihan.

INGIN TAHU,
Subang Jaya.